

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA NO. LPK/27/02/2018 (JPH)- PELUPUSAN ASET ALIH
LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat membeli aset berikut :

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)	Lokasi Aset
1.	Toyota Alphard (BLX 3180)	1	50,000.00	10% daripada harga tawaran atau RM5,000 (mengikut mana yang terendah)	Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Kelang

2. Aset boleh dilihat dengan bantuan pada **6 Februari 2018 hingga 14 Februari 2018 di Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Kelang dan masa seperti berikut:-**

- i) **6 – 8 Februari 2018** **10.00 pagi hingga 4.00 petang**
- ii) **9 Februari 2018** **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari & 3.00 petang hingga 4.00 petang**
- iii) **12-14 Februari 2018** **10.00 pagi hingga 4.00 petang**

Untuk temujanji lawatan sila hubungi Jabatan Pengurusan Hartanah di nombor telefon **03-31688211, sambungan 2002, 2003, 2004 dan 2006.**

3. **Sebut harga akan ditutup pada 23 Februari 2018 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari.**
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih LPK (KEW.PA 25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5 atau boleh dimuat turun di laman web LPK iaitu www.pka.gov.my . Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bermula dari tarikh sebut harga ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan ditanda dengan No. Sebut Harga : **No. LPK/27/02/2018 (JPH) Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Lembaga Pelabuhan Kelang** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**Pengerusi,
Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Tender,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang.**

6. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

- 6.1 Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 6.2 Penyebut Harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 10% daripada harga tawaran aset atau tertakluk kepada maksima **RM5,000.00**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau Cashier's Order atas nama **Lembaga Pelabuhan Kelang**.
- 6.3 Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
- 6.4 Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis)
- 6.5 LPK tidak bertanggungjawab ke atas aset yang dijual.
- 6.6 Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 6.7 Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
- 6.8 Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan LPK berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Jabatan Pengurusan Hartanah, LPK